

18 MAR 1998
Fong-AEUNIC
FORUM ASIA-EROPAH SOKONG AEUNIC

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Forum Universiti Asia-Eropah hari ini menyatakan sokongan terhadap penubuhan Pusat Universiti Asia-Eropah (AEUNIC) di Malaysia sebagai cara untuk merapatkan jurang hubungan akademik Euro-Asia.

Para peserta forum, yang terdiri daripada para cendekiawan dari Asia dan Eropah, bersetuju bahawa pusat itu akan menyediakan infrastruktur ke arah mempertingkatkan hubungan universiti Asia-Eropah.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr Fong Chan Onn, hari ini berkata forum dua hari itu yang berakhir hari ini merumuskan bahawa kerjasama pendidikan antarabangsa yang sedia ada perlu dipromosikan lebih lanjut untuk kemajuan yang lebih baik kepada rantau Asia.

Mereka merasakan bahawa pelbagai inisiatif perlu diambil untuk meningkatkan pergerakan pelajar dan kemudahan pendidikan untuk semua, dan penubuhan AEUNIC yang berasaskan global dan antarabangsa akan bertindak sebagai langkah positif ke arah itu, katanya kepada pemberita selepas meramikan Pameran Asia-Eropah.

Forum itu dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak semalam. Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ialah antara penceramah pada forum itu.

Idea bagi mewujudkan kerjasama Asia-Eropah yang lebih rapat yang melepasi batas-batas tradisional dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) yang pertama di Bangkok, dua tahun lepas.

Dr Fong berkata para peserta forum berpendapat cara terbaik untuk merealisasikan idea Dr Mahathir itu ialah menerusi penubuhan AEUNIC yang dapat menjalinkan hubungan lebih erat antara para akademik kedua-dua rantau ini.

Najib mengumumkan mengenai penubuhan pusat itu selepas merasmikan forum itu semalam. Beliau menyatakan bahawa menteri-menteri yang menghadiri mesyuarat Asem kedua di London bulan depan dijangka mengesahkan penubuhannya.

Dr Fong berkata forum itu turut membincangkan peranan AEUNIC sebagai pusat rujukan bagi kemudahan pengajian jarak jauh. -- BERNAMA

NHD RHM NAK